

21/06/1998

Isu ekonomi jadi tumpuan perhimpunan

Zulkofli Jamaludin; Kadir Dikoh

HAMPIR 12 bulan negara dilanda kegawatan ekonomi dan kesannya memang dirasakan segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, tidak menghairankan apabila soal berkaitan ekonomi menguasai perbincangan di Perhimpunan Agung Umno kali ini, termasuk Pemuda dan Wanita.

Perbincangan itu pula meliputi masalah yang dihadapi rakyat dan syarikat tempatan kesan kegawatan ekonomi sehinggalah soal crony capitalism. Barangkali setiap perwakilan kini sudah memahami istilah nepotisme dan kronisme yang sebelum ini agak baru bagi sesetengah pihak.

Perdana Menteri yang juga Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapan dasarnya di perhimpunan itu turut menjelaskan bahawa ketidaktelusan dan korupsi serta crony capitalism yang dikatakan wujud di negara Asia Tenggara, sebenarnya digunakan pihak asing untuk menyerang kewangan serta ekonomi negara serantau.

Inilah menurut Dr Mahathir sebagai penjajahan cara baru melalui sistem ekonomi. Walaupun Malaysia belum dikuasai sepenuhnya oleh kuasa asing, sedikit sebanyak mereka sudah menggugat ekonomi negara. Dengan menjatuhkan nilai ringgit dan harga saham, syarikat milik tempatan kini menjadi semakin tenat.

Sebab itu, dalam usul ekonomi yang dibentangkan, antara ketetapan yang dibuat ialah meminta kerajaan meneruskan usaha mendesak badan antarabangsa seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, melaksanakan reformasi sistem kewangan antarabangsa bagi mengurangkan amalan spekulasi dalam pasaran mata wang.

Sebenarnya, pihak asing sekarang membuat persediaan dengan membesarkan bank dan syarikat besar mereka melalui cantuman dan belian. Baru-baru ini, misalnya, penggabungan dua bank gergasi menjadikan dana mereka berjumlah AS\$653 bilion, jauh lebih besar berbanding rizab Malaysia kira-kira AS\$20 bilion saja.

Malah, menurut Dr Mahathir, jika bank seperti itu menjual ringgit, Malaysia akan kehilangan semua simpanan dolarnya, jika kerajaan cuba mempertahankan ringgit. Sebab itulah mereka boleh bermaharajalela.

Justeru, dalam perbincangan di perhimpunan kali ini, tindak tanduk pihak asing ini menjadi sasaran kemarahan perwakilan. Kedengaran juga suara perwakilan yang mahukan sesuatu dilakukan bagi membantu industri tempatan, khususnya industri kecil dan sederhana (IKS) yang menerima kesan kegawatan ekonomi sekarang.

Sementara menyokong pelbagai langkah kerajaan bagi memulihkan ekonomi termasuk menubuhkan syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) bagi mengurus pinjaman tidak berbayar (NPL), perwakilan juga menggesa kerajaan terus mengekalkan agenda Bumiputera sebagai teras dalam pengurusan ekonomi dan dalam apa juga senario pertumbuhan ekonomi negara.

Pada masa yang sama, Pergerakan Pemuda mahu kerajaan memperkenalkan anti-trust law bagi menghalang syarikat yang mendapat konsesi penswastaan, mengagihkan kegiatan perniagaan di kalangan mereka sahaja.

Perkembangan itu turut mendorong perwakilan Pemuda secara terbuka menuntut agar amalan pilih kasih, mengutamakan suku sakat dan kaum kerabat, dihentikan segera.

Menjelaskan pendirian Pemuda ini, Pengerusi Majlis Ekonominya, Dr Abdul Rahim Ghouse, berkata kerajaan mesti memastikan syarikat bukan Bumiputera yang melaksanakan projek berbilion ringgit turut mengagihkan kerja kepada syarikat Bumiputera.

Dulu, katanya, ketika kek kekayaan ekonomi besar, pengagihan tidak begitu kelihatan tetapi kini apabila jumlahnya sedikit dan diagihkan kepada kelompok tertentu saja, sudah pasti menjejaskan peluang syarikat kecil dan sederhana.

Berikutan itu, perwakilan mahu memastikan agihan kekayaan negara benar-benar dapat dinikmati Bumiputera. Mereka juga mahu kualiti usahawan Bumiputera ditingkatkan supaya menjadi golongan menengah yang kuat dan mantap.

Ini penting kerana kegawatan ekonomi telah menyaksikan kerapuhan strategi kononnya dengan mewujudkan jutawan elit Melayu boleh menjadi asas kemantapan ekonomi Bumiputera. Tetapi apa yang berlaku, kita sekarang bukan sahaja tidak berupaya mempertahankan pemilikan Bumiputera tetapi mereka yang dahulunya muncul sebagai jutawan elit Melayu, juga mulai tersepit.

(END)